



MMSOS
365 CARE SUPPORT

MMSOS target for 1 million subscribers

52 NIAGA!

KOSMO! KHAMIS 4 OKTOBER 2017

Aplikasi memudahkan rakyat yang terlibat dalam kecemasan dapatkan bantuan segera **MMSOS sasar satu juta ahli**

KUALA LUMPUR – MM Synergy Sdn. Bhd. (MM Synergy) mengunjurkan keahlian yang melanggan perkhidmatan MMSOS bakal mencecah kepada satu juta orang menjelang lima tahun akan datang.

Pengasas syarikat, K.L.Lim berkata, buat masa ini, syarikat yang menawarkan aplikasi bantuan kecemasan MMSOS yang telah diperkenalkan pada bulan April lalu telah memiliki sebanyak 1,000 orang.

Menurutnya, jumlah sasaran itu mampu dicapai ekoran kesedaran masyarakat yang semakin meningkat tentang aplikasi tersebut yang kini semakin aktif dipromosikan di seluruh negara. "Perkhidmatan ini akan mem-

beri banyak kemudahan kepada orang ramai untuk mendapatkan bantuan jika mereka terlibat dalam sebarang kecemasan.

"Melalui aplikasi MMSOS, pelanggan kini tidak perlu menghubungi talian kecemasan 999 kerana perkhidmatan yang disediakan syarikat dapat membantu mereka dengan mudah, cepat dan berkesan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar mengenai perkembangan terbaharu MMSOS di pejabat syarikat di Seri Kuching Business Park, Jalan Kuching di sini baru-baru ini.

Lim menerangkan, MMSOS menyediakan dua perkhidmatan kepada orang ramai sama ada melanggan aplikasi per-

cuma manakala perkhidmatan berbayar pula dikenakan bayaran sebanyak RM365 seorang.

"Untuk perkhidmatan percuma, orang ramai boleh memuat turun aplikasi MMSOS di dalam telefon pintar dan melaluiinya, tertera menu yang menampilkan 12 butang kecemasan bagi membolehkan orang ramai yang menghadapi masalah menekan mana-mana butang bersesuaian dengan kes yang dihadapi.

"Pusat panggilan kami akan menerima isyarat kecemasan tersebut dan kakitangan pusat tersebut akan membantu mereka sama ada untuk mendapatkan maklumat lebih tepat berhubung jarak hospital berdekatan, balai polis dan khidmat menunda," jelasnya.

Bagi keahlian berbayar pula, pelanggan akan mendapat manfaat daripada segi potongan harga sehingga 40 peratus dan percuma untuk pelbagai perkhidmatan.

Antaranya ialah pakej pengilangan di Marina Island, Perak, pemeriksaan kesihatan dan perlindungan insurans peribadi serta kemalangan, yuran ambulans, kadar menarik untuk perkhidmatan penyelenggaraan kereta serta yuran penundaan.

"Kesemua manfaat yang diperoleh pelanggan yang melanggan aplikasi berbayar ini bernilai lebih daripada RM5,000," jelasnya sambil menambah bayaran yuran tersebut perlu diperbaharui setiap tahun," ujar beliau.



LIM menunjukkan aplikasi MMSOS di pejabatnya di Jalan Kuching, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Special Thank to Kosmo for the write up to support our MMSOS APP. MM Synergy is projecting that subscribers of MMSOS services will reach one million by the next five years. MMSOS provide crime prevention and motoring assistance during emergency.

Read more:

<http://www.kosmo.com.my/niaga/mmsos-sasar-satu-juta-ahli-1.760082>